

20/10/2000

## Terokai pasaran bioteknologi

Hizral Taziff Hisham

SYARIKAT tempatan disaran menceburkan diri dalam bidang bioteknologi kerana ia mempunyai pasaran yang besar dan pulangan lumayan, kata Dekan Kanan Bersekutu Sekolah Perubatan, Dr Phyllis Gardner.

Beliau berkata, berdasarkan perkembangan terkini pasaran industri bioteknologi dunia adalah berjumlah RM205 bilion (AS\$54 bilion) manakala Tawaran Permulaan Awam (IPO) syarikat bioteknologi secara purata meningkat 102 peratus selepas beberapa minggu diniagakan.

"Antara penerokaan yang sedang dilakukan sekarang ialah menghasilkan biocip yang mana ia menterjemahkan kod kimia yang ada di dalam Asid Deoksiribonuklik (DNA) manusia kepada data elektronik," katanya di Petaling Jaya, kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja `Bioteknologi: Pemacu Pertumbuhan ekonomi Malaysia' di persidangan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) Kurun Ke-21 anjuran Biro ahli berbahasa Inggeris MCA.

Persidangan berkenaan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Biocip yang dicipta tidak akan membuat pengiraan seperti cip silikon yang menggunakan angka binari sebaliknya ia akan menguji gen yang aktif di dalam sel manusia (ada 50,000 gen) untuk menentukan yang mana satu aktif dan sebaliknya.

Gen yang aktif akan direkodkan secara berulang kali sebelum sesuatu perisian dapat dihasilkan. Kegunaan biocip ialah dalam diagnosis dan rawatan penyakit.

Antara syarikat komputer yang sudah mengorak langkah dalam bidang bioteknologi dan teknologi maklumat ialah International Business Machines Corp (IBM), menerusi rancangan lima tahunnya membangunkan superkomputer yang dapat memahami bagaimana DNA menghasilkan protein.

Compaq Computer melancarkan modal teroka sebanyak RM380 juta untuk menukarkan kod genetik kepada perisian.

Motorola dengan kerjasama Corning sedang menghasilkan biocip, turut sama ialah Agilent manakala 3M bercadang menerokai pasaran cip DNA. Intel Corp turut berminat tetapi belum membuat sebarang pengumuman.

Gardner berkata, peluang perniagaan yang boleh direbut kerana berdasarkan analisis pasaran dunia bagi cip dan peralatan berkaitan tahun ini berjumlah RM2 bilion berbanding RM551 juta tahun lalu.

"Adalah dijangka pasaran akan berkembang sebanyak RM15.2 bilion dalam jangka masa lima tahun," katanya.

(END)